



Ruj. Kami : Bil.(6)dlm.JKWPKL/203/4 Bhg. 3
Tarikh : 27 Disember 2018

Dr. Thew Hui Zhu
Jabatan Perubatan Keluarga,
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang,
Selangor Darul Ehsan.

Puan,

**MAKLUMBALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGGUNAAN KLINIK
KESIHATAN PUTRAJAYA PRESINT 18 UNTUK MENJALANKAN
PENYELIDIKAN**

**TAJUK KAJIAN : DETERMINATION OF EMPOWERMENT SCORE AMONG
TYPE 2 DIABETES MELLITUS PATIENTS AND ITS
ASSOCIATED FACTORS IN KLINIK KESIHATAN
PUTRAJAYA PRESINT 18**

NMRR ID : NMRR-17-3085-38099(IIR)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Puan bertarikh 17 Disember 2018 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami tiada halangan untuk membenarkan Puan menjalankan penyelidikan seperti di atas di Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18 mulai 02 Januari 2019 hingga 02 April 2019.

3. Untuk makluman, pihak Puan dimohon agar mematuhi perkara-perkara berikut semasa menjalankan kajian di fasiliti kesihatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya:-

- 3.1 Sebarang bentuk kajian yang dijalankan tidak mengganggu kelancaran perkhidmatan klinik dan tugas hakiki pegawai yang terlibat.
- 3.2 Perlu mengikuti segala perundangan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Klinik Kesihatan.
- 3.3 Membentangkan hasil kajian kepada pihak kami setelah kajian selesai.

...1/2

"KAMI SEDIA MEMBANTU"



SIRIM
PENGKERTIFIKASIAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL : AR 5415

MAKLUMBALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGGUNAAN KLINIK KESIHATAN PUTRAJAYA PRESINT 18 UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN

TAJUK KAJIAN : *DETERMINATION OF EMPOWERMENT SCORE AMONG TYPE 2 DIABETES MELLITUS PATIENTS AND ITS ASSOCIATED FACTORS IN KLINIK KESIHATAN PUTRAJAYA PRESINT 18*

NMRR ID : NMRR-17-3085-38099(IIR)

- 3.4 Memberikan sesalinan hasil kajian kepada pihak kami sebagai bahan bacaan dan rujukan pegawai-pegawai di jabatan ini.
- 3.5 Sebarang penerbitan atau diseminasi hasil penyelidikan tersebut sama ada melalui penulisan, pengiklanan, pembentangan atau untuk ke media perlu mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia terlebih dahulu.

Puan boleh merujuk kepada garis panduan Institut Kesihatan Negara mengenai penyelidikan di institusi dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (Pindaan 01/2015).

4. Untuk perbincangan lanjut, pihak Puan perlu berhubung terus dengan Pegawai Kesihatan Daerah Putrajaya (No. Telefon: 03-88850400) sebelum penyelidikan bermula bagi memastikan kelancaran penyelidikan tersebut. Perhatian dan kerjasama pihak Puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

 27/12/18
(DR. PARAM JEETH SINGH A/L PAKAR SINGH)

No. MMC: 28133

Pengarah Kesihatan Negeri

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur & Putrajaya

s.k - Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
- Pegawai Kesihatan Daerah Putrajaya